

09/09/1997

Jadikan seruan PM amalan hidup

SIBU, Isnin - Kakitangan Jabatan Penjara di seluruh Sarawak diminta agar menjadikan seruan dan teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung pentingnya kebersihan sebagai iktibar dan amalan hidup.

Pengarahnya, Talhata Hazemi, berkata dalam mengejar kejayaan, mereka tidak seharusnya mengeneipkan terus soal kebersihan dan membiarkan kawasan sekeliling terabai.

"Semua kakitangan Jabatan Penjara perlu memastikan kebersihan kawasan pejabat dan kediaman masing-masing, untuk mengelak pembiakan pelbagai jenis penyakit seperti wabak denggi," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu merasmikan Sukan Hari Kebangsaan Banduan di Penjara Pusat Sibu, di sini.

Pada majlis berasingan, beliau menyampaikan hasil kutipan sumbangan kakitangan Penjara seluruh Sarawak kepada salah seorang kakitangan Penjara Pusat Sibu, Suratinan Tamin.

Sumbangan berkenaan bertujuan membantu Suratinan yang rumahnya musnah dalam kebakaran di kawasan perumahan di Petra Jaya, awal tahun ini.

Pada majlis itu, Talhata menyeru kakitangan jabatan itu di seluruh negeri ini agar sentiasa membantu antara satu sama lain pada setiap masa, khususnya sewaktu menghadapi kesusahan.

(END)